

26/08/2002

Pemilihan: Puteri bimbang ahli disogok wang ejen pembangkang

KELANA JAYA, Ahad - Ketua Penaja Puteri Umno, Azalina Othman Said, bimbang kemungkinan ejen pembangkang mengambil kesempatan mesyuarat pemilihan pergerakan itu untuk menyusup dan menularkan gejala politik wang di kalangan ahli Puteri.

Beliau berkata, ahli Puteri yang masih muda mungkin terjebak dengan gejala itu secara tidak sengaja apabila dihasut atau dipujuk oleh ejen berkenaan kerana mereka masih 'mentah' untuk membezakan perkara yang betul atau salah.

"Saya tidak kata perkara ini sedang berlaku, kita sekadar berjaga-jaga.

"Saya tidak mahu ejen pembangkang masuk dalam Puteri, menghulur dan memujuk sambil mengatakan perkara ini tidak salah. Apabila laporan dibuat kepada Lembaga Disiplin, ahli Puteri yang akan menerima padah walaupun mereka telah diperkudakan untuk tujuan itu," katanya kepada pemberita selepas berucap pada Persidangan Puteri Umno Bahagian Subang, di sini, hari ini.

Ketua Umno bahagian Subang, Datuk Mokhtar Ahmad Dahlan merasmikan persidangan itu.

Sehubungan itu, katanya, kira-kira 600 ahli Puteri akan menghadiri satu sesi taklimat berhubung hal berkenaan selain nasihat daripada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu perjumpaan, esok.

"Selain menyampaikan laporan mesyuarat pemilihan peringkat cawangan, saya juga meminta Dr Mahathir menyebut isu itu dalam ucapannya esok sempena perjumpaan dengan Puteri.

"Selain itu, kira-kira 600 ahli Puteri yang terdiri daripada Ketua bahagian, Ketua Penerangan dan Setiausaha daripada 165 bahagian akan menghadiri taklimat khas berhubung isu itu (politik wang) daripada wakil Jawatankuasa Disiplin Umno.

"Wakil itu yang juga seorang peguam akan memberi penjelasan terperinci berhubung garis panduan dalam mesyuarat pemilihan terutama politik wang dengan memberi contoh kes," katanya.

Azalina berkata, garis panduan berhubung prosedur dan etika itu kemudiannya akan disebar di peringkat cawangan dan bahagian bagi memastikan ahlinya memahami proses pemilihan.

"Kita juga berharap pengetahuan jelas mengenai hal ini dapat menjadi langkah pencegahan dan alat pemantau, dengan ahli Puteri sendiri melaporkan hal itu kepada peringkat atasan jika didatangi ejen terbabit.

"Kita tidak akan terima alasan tidak tahu perkara yang dilakukan itu salah kerana pucuk pimpinan telah melakukan langkah sewajarnya bagi memastikan semua ahli Puteri jelas dan faham berhubung hal ini, katanya.

Azalina berkata, mesyuarat pemilihan peringkat cawangan yang bermula awal bulan ini berjalan lancar dan mesyuarat peringkat bahagian akan bermula bulan depan.

"Setakat ini, laporan tidak menunjukkan sebarang masalah. Ketua Puteri bahagian dan cawangan banyak membantu. Kita masih berada dalam tempoh protes tujuh hari, setakat ini tiada bantahan diterima," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Azalina mengingatkan ahli Puteri supaya bergiat aktif dalam semua program pergerakan itu bagi memantapkan perjuangan Umno.

"Jangan sekadar datang memakai baju merah jambu, main pesanan ringkas (SMS) dan berebut jawatan dalam pergerakan untuk popular tetapi tidak mengambil bahagian dalam program Puteri. Kita tiada masa untuk orang

seperti ini," katanya.